

**KPPPUAS Bantah Hasrat Kerajaan Selangor Ambil Alih Pengurusan Syabas
Bernama
25 Julai, 2012**

SHAH ALAM, 25 Julai (Bernama) -- Seramai 170 ahli Kesatuan Pekerja-Pekerja Perbadanan Urus Air Selangor Berhad (KPPPUAS) termasuk pekerja Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) menyerahkan memorandum bantahan kepada Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berhubung hasrat kerajaan negeri untuk mengambil alih pengurusan syarikat pembekal air itu.

Memorandum itu diserahkan oleh Presiden KPPPUAS Abd Aziz Ali kepada Pegawai Akhbar Menteri Besar Selangor, Tuan Nazuri Tuan Ismail di Bangunan Setiausaha Kerajaan negeri Selangor (SUK) di sini pada pukul 1 tengah hari Rabu.

Kumpulan berkenaan turut mengadakan demonstrasi secara aman di hadapan bangunan SUK kira-kira sejam.

Abd Aziz berkata memorandum berkenaan adalah untuk menunjukkan rasa dukacita kesatuan itu terhadap kenyataan Abdul Khalid yang membayangkan seolah-olah pekerja Syabas tidak cekap menguruskan bekalan air bersih ke Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Sebaliknya, beliau berkata Syabas adalah syarikat yang terbaik dan cekap serta telah menaikkan tahap perkhidmatan ke tahap terbaik dalam tempoh tidak sampai 10 tahun.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683115>

